



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1981

DR.7/1981

f/81

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1981.

Tajuk
ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu juta satu ratus tujuh puluh ribu tiga ratus lima puluh tiga ringgit (\$1,170,353) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1979, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1979 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1979, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979) 1980 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1979 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1980.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1979.

Akta A441.

Akta A474.

Akta A493.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1980.

Akta A470

Akta A493.

Akta A503.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada tiga ratus tiga puluh lapan juta tiga ratus sembilan puluh lima ribu sembilan ratus lima puluh dua ringgit (\$338,395,952) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1980, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1980, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1980 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1980) 1980.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
(1)	(2)	(3)
B. 34 ... Kastam dan Eksais di-Raja ...		\$ 1,170,353
JUMLAH ...		\$ 1,170,353

JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
(1)	(2)	(3)
B. 1 ... Parlimen ...		\$ 649,000
B. 3 ... Jabatan Odit ...		149,600
B. 7 ... Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajar ...		210,400

Maksud (1)	Tajuk (2)	Peruntukan kepada maksud (3)
B. 8 ...	Jabatan Perdana Menteri ...	\$ 5,882,275
B. 10 ...	Jabatan Kehakiman ...	4,775,840
B. 12 ...	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak ...	166,842
B. 14 ...	Perangkaan ...	4,840,835
B. 15 ...	Kementerian Perumahan dan Kera- jaan Tempatan ...	15,109,127
B. 23 ...	Kementerian Perusahaan Utama ...	3,156,098
B. 24 ...	Kementerian Pertanian ...	10,784,553
B. 26 ...	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ...	602,510
B. 29 ...	Kementerian Pelajaran ...	7,042,500
B. 31 ...	Perbendaharaan ...	3,225,358
B. 32 ...	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	16,011,000
B. 33 ...	Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun ...	71,155,000
B. 35 ...	Jabatan Hasil Dalam Negeri ...	487,000
B. 36 ...	Kementerian Perusahaan Awam ...	105,696,124
B. 38 ...	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ...	4,000,000
B. 39 ...	Polis Di Raja Malaysia ...	15,500,000
B. 40 ...	Jabatan Imigresen ...	446,998
B. 43 ...	Penjara ...	3,242,200
B. 44 ...	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ...	1,076,600
B. 46 ...	Jabatan Penyiaran ...	2,200,000
B. 47 ...	Jabatan Penerangan ...	240,000
B. 49 ...	Pemegang Amanah Raya, Pen- tadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh ...	93,148
B. 50 ...	Jabatan Pemegang Harta ...	56,994
B. 52 ...	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ...	394,717
B. 54 ...	Kementerian Pengangkutan ...	563,174
B. 55 ...	Jabatan Laut ...	524,019
B. 56 ...	Jabatan Laut—Sarawak dan Sabah	93,716

Maksud (1)	Tajuk (2)	Peruntukan kepada maksud (3)
B. 58 ...	Penerbangan Awam—Sarawak dan Sabah	\$ 1,991,715
B. 60 ...	Pengangkutan Jalan	119,132
B. 61 ...	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	52,677,888
B. 63 ...	Perkhidmatan Pos	2,958,000
B. 64 ...	Kementerian Kebajikan Am	546,300
B. 66 ...	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah	1,727,289
JUMLAH ...		\$338,395,952

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1979 dan 1980 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1979 dan 1980, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979) 1980, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1979 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1980, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1980 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1980) 1980 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulanwang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[PN. (U²) 1096.]